

Tiga jambatan ditenggelami air

KUANTAN: Tiga jambatan utama menghubungkan Pekan Sungai Lembing dekat sini dengan kampung sekitarnya, ditenggelami banjir awal pagi semalam selepas hujan lebat berterusan empat hari di sekitar daerah ini sejak minggu lalu.

Jambatan Sungai Lembing, Jambatan Kuala Kenau dan Jambatan Kampung Kawah ditenggelami air sedalam dua meter selepas air Sungai Kenau melimpah pada jam 4 pagi semalam.

Bagaimanapun, penduduk kawasan itu tidak terputus hubungan kerana mereka masih mempunyai laluan alternatif menggunakan jambatan gantung yang boleh dilalui motosikal dan basikal.

Banjir berkenaan turut

menenggelamkan seluruh kawasan Pekan Sungai Lembing selama tiga jam sehingga jam 7 pagi semalam, mengakibatkan pekan itu dipenuhi lumpur dan kayu sisa pembalakan yang dihanyutkan air sungai.

Kedudukan pekan bekas lombong itu di lembah sungai dan bersebelahan Sungai Kenau mengakibatkan ia kerap dilanda banjir pada musim tengkujuh setiap tahun yang membawa lumpur serta merosakkan struktur jambatan merentasi sungai di situ.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah yang meninjau kerja pembersihan lumpur di kawasan berkenaan berkata, banjir



PENANDA aras di Sungai Lembing menunjukkan paras meningkat, semalam.

kali ini tidak banyak menjejaskan penduduk kerana berlaku dalam masa singkat saja.

“Setakat ini, hanya satu keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Balai Polis Sungai Lembing bagi tujuan keselamatan berikutan kedudukan rumah

mereka terlalu hampir dengan tebing sungai.

“Kebanyakan penduduk di sini sudah bersedia menghadapi bencana berkenaan kerana dilanda banjir pada musim tengkujuh setiap tahun, di samping persediaan awal dilakukan Pejabat

Daerah Kuantan.

“Hujan yang berlarutan serta paras air yang naik mendadak memberi petanda awal kepada penduduk untuk bersedia, selain pihak berkuasa termasuk anggota tentera dan polis menjalankan pemantauan 24 jam,” katanya.